POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Bingkisan Budi

Sambutan KEMERDEKAAN PSA 2020

MALAYSIA PRIHATIN



POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

BINGKISAN BUDI SAMBUTAN KEMERDEKAAN PSA 2020

Editor:
Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman
Dr. Ainul Haezah binti Noruzman
Norhayati binti Majid

Diterbitkan Oleh:
PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam
Selangor
No. Telefon : +603 5163 4000
No. Faks : +603 5569 1903

Dicetak oleh:
Print Expert Seksyen 2 (HQ)
20, Jalan Bunga Tanjung 2/16,
Seksyen 2, 40000 Shah Alam,
Selangor

Cetakan Pertama 2021

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Bingkisan Budi:
Sambutan KEMERDEKAAN PSA 2020 / POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH.
ISBN 978-967-2044-49-9 (hardback)
e ISBN 978-967-2044-56-7

1. Education, Higher--Activity programs--Malaysia.
2. Independence Day (Malaysia).
3. Malaysia--Anniversaries, etc.
4. Patriotism.
5. Government publications--Malaysia.
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
378.109595

Hakcipta © 2021 oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarakan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Prakata Khas PSA Prihatin

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Pengurusan PSA sentiasa peka terhadap kesejahteraan warganya terutama dalam situasi pandemik yang melanda seluruh dunia kini. Justeru, PSA telah mengambil inisiatif untuk membantu menerusi program PSA Prihatin.

Bagi memastikan kesejahteraan siswa, PSA telah melancarkan inisiatif We Care We Share melalui usaha yang dilakukan oleh Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Dari masa ke semasa pengurusan PSA sentiasa melakukan pemantauan terhadap masalah dan keperluan siswa lebih-lebih lagi yang tinggal di luar kampus dalam memastikan kesejahteraan mereka sentiasa terpelihara.

Keprihatinan PSA tidak terhenti di situ malah turut prihatin terhadap kebajikan staf juga yang didokong oleh Kelab Kebajikan Kakitangan PSA. Badan ini akan sentiasa menziarahi dan memberi sumbangan kepada staf yang dilanda musibah seperti kematian, kemalangan atau ditimpa penyakit. Langkah ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesulitan yang ditanggung staf.

Dalam konteks program Sambutan Kemerdekaan PSA 2020 ini pula, PSA telah menjelajah ke Pulau Pinang dan Sabak Bernam demi menyampaikan bantuan Musibah COVID-19 di kalangan kumpulan B40. PSA tidak keseorangan, rakan strategik PSA seperti YaPEIM, Pusat Zakat Selangor, dan Alumni PSA turut sama menghulurkan tangan dalam usaha mulia ini.

Ini adalah di antara pendekatan bagi PSA mensyukuri nikmat yang Allah berikan dengan berkongsi rezeki bersama golongan yang terkesan demi mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Langkah memberi sumbangan ini sejajar dengan ajaran agama kerana ia dapat memupuk rasa kasih sayang dan silaturrahim di antara PSA dan masyarakat, sepertimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

"Hendaknya kalian saling memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai".
Riwayat al-Bukhari (594)

Akhirnya saya doakan agar warga PSA diberikan kekuatan untuk terus istiqamah dalam membuat amal jariah. Semoga usaha yang sedikit ini akan dikira sebagai amal jariah yang berkekalan sebagai bekalan di hari kemudian. Terima kasih.

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail
15 September 2021

Latar Belakang Pengarah

Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail

Berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (UKM), MBA (UUM) dan Ph.D in Management (Hull). Merupakan mantan Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis dan mula menjawat jawatan Pengarah di PSA pada 13 Julai 2018. Sikap dan peribadi beliau yang cukup prihatin dengan isu dan perkara yang melibatkan kebajikan, kemasyarakatan dan keagamaan telah mendorong beliau menggerakkan usaha PSA Prihatin ini. Justeru itu, di bawah kepimpinannya beliau sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan staf dan pelajar. Isu ini juga telah dijadikan sebagai salah satu fokus utama di dalam pentadbirannya.

Kepimpinan yang baik bukan sahaja hanya memberi arahan malah turut menunjukkan contoh dan ikutan yang baik. Ringkasnya, kejayaan usaha PSA Prihatin bermula dari kepimpinan tertinggi yang menjadi suri teladan kepada warganya.

Pelbagai usaha telah berjaya dilaksanakan di bawah PSA Prihatin. Sambutan Kemerdekaan PSA 2020 ini merupakan kemuncak kepada PSA dalam menzahirkan keprihatinannya. Penerbitan buku ini merakamkan semua momen yang dilalui sebagai bukti kenangan dan sejarah abadi buat generasi akan datang. Semoga penerbitan buku ini boleh dijadikan rujukan dan kayu ukur dalam perancangan dan pelaksanaan program seumpama ini.

Bingkisan Budi

Sambutan KEMERDEKAAN PSA 2020

Tema Sambutan Kemerdekaan

Malaysia Prihatin dipilih menjadi tema Sambutan Bulan Kemerdekaan 2020. Gabungan perkataan Malaysia dan Prihatin menggambarkan seluruh rakyat di negara ini turut sama memerangi pandemik serta keperihatinan kerajaan dengan melakukan pelbagai inisiatif merangkumi aspek ekonomi dan kebajikan demi kesejahteraan hidup rakyat.

Kandungan

Muka Surat & Acara

8 Sinopsis

9 Semangat Perpaduan

11 Simbolik Patriotisme

13 Semarak Kemerdekaan

14 Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan & Kejohanan Woodball

20 Pertandingan Hiasan Kemerdekaan

32 Pertandingan e-poster

34 Pertandingan Swafoto

37 Pertandingan Kuiz

40 Tayangan Filem Patriotik

42 Majlis Bacaan Yassin

46 Treasure Hunt Merdeka 2020 dan Kembara Prihatin Jejak Kemerdekaan

53 Kembara Prihatin Jejak Kemerdekaan

63 Kembara Jejak Pahlawan

67 Majlis Perhimpunan Staf

76 Masjid Bagan Air Itam MBAI PSA Kemerdekaan Ride

87 Pameran Woodball Di Kementerian Pengajian Tinggi

89 Rewang @Kemerdekaan

99 Majlis Penutup & Jasamu Dikenang



Jawatankuasa Penerbitan Buku Bingkisan Budi Kemerdekaan PSA

PENASIHAT

DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

ZALINA BINTI ISMAIL

DR. NORHAYATI BINTI IBRAHIM

EDITOR

TS. DR. HJ. AHMAD AFTAS BIN AZMAN

DR. AINUL HAEZAH BINTI NORUZMAN

NORHAYATI BINTI MAJID

TIM

MUHAMMAD SYAMIL BIN ROZMI

HALMY EFFENDY BIN RASOL

MOHD NOR AQMAL BIN RAZALI

FATIN NURLIYANA BINTI MIOR YUSOFF

Sinopsis

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 disambut dengan pelbagai aktiviti menarik yang melibatkan beberapa agensi luar dan komuniti. Penglibatan rakan strategik dalam menjayakan program ini merupakan penghayatan terhadap inisiatif kerajaan membantu rakyat. Keprihatinan kerajaan terhadap ekonomi, kebajikan, dan kesejahteraan rakyat diterjemahkan dengan memberi sokongan kepada komuniti demi memelihara keamanan yang dikecapi. Program ini berlangsung selama sebulan setengah iaitu sepanjang bulan Ogos 2020 hingga pertengahan September 2020. Matlamat program ini adalah untuk menggerakkan Teras Strategik Pertama dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) iaitu untuk menghasilkan graduan TVET yang berkualiti secara holistik dan mampan yang akan tercipta melalui penglibatan siswa secara langsung dan tidak langsung dalam program melibatkan komuniti. Di samping itu, Teras Ketiga iaitu bagi pembangunan bakat graduan yang komprehensif dapat diterapkan dengan melaksanakan mekanisme pembelajaran secara authentic dan immersive. Selain itu, program ini akan memperkukuhkan Teras Strategik Kelima kepada PSA melalui perluasan akses jaringan kolaborasi bersama industri dan komuniti. Melalui pelbagai acara Bulan Kemerdekaan kali ini dengan bertemakan Malaysia Prihatin, dapat disematkan kembali asas-asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya warga PSA. Akhir sekali sikap prihatin terhadap komuniti yang diterapkan kepada generasi muda adalah pengikat utama yang membawa kepada perpaduan rakyat di negara ini. Malaysia Prihatin.

Semangat Perpaduan

Saya amat berbangga dengan semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh PSA dalam merealisasikan penganjuran Bulan Kemerdekaan 2020, biarpun berdepan dengan pelbagai halangan dan cabaran pandemik COVID-19. Ini adalah bukti yang jelas bahawa warga PSA berjaya menyemarakkan semangat 'esprit de corp', iaitu saling membantu antara satu sama lain dalam memacu kecemerlangan institusi, sekaligus berupaya melahirkan warga PSA yang dinamik, dan berkebolehan dalam pelbagai bidang.

Melalui penganjuran program seumpama ini, kita akan berupaya meningkatkan kemahiran berkomunikasi, keupayaan berfikir secara kritis, keserasian kerja berpasukan, kepimpinan, pengurusan serta nilai moral dan etika yang tinggi di kalangan individu, yang akhirnya mampu melahirkan modal insan yang holistik dan seimbang. Selain itu, melalui program ini juga membuka ruang dan peluang kepada warga PSA, untuk berkongsi pentas yang sama walaupun datang dari latar belakang yang berbeza.

Sambutan Bulan Kemerdekaan yang bertemakan 'Malaysia Prihatin' adalah sangat bertepatan dengan situasi semasa. Walaupun temanya amat ringkas, tetapi ianya sudah cukup untuk menggambarkan semangat kebersamaan rakyat Malaysia dalam memerangi wabak COVID-19 dan inisiatif kerajaan dalam aspek ekonomi dan kebajikan demi kesejahteraan hidup rakyat.

Saya juga ingin menyeru kepada anda semua agar sentiasa menghayati semangat kemerdekaan dengan mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara ini agar tanah air kita akan kekal merdeka, bebas dan berdaulat selama-lamanya. Untuk hidup secara aman dan harmoni, kita perlu memupuk persefahaman dan perpaduan sesama kita dan tidak membiarkan perbezaan kaum, agama, wilayah dan status sosial menjadi penghalang. Jika semangat perpaduan ini dapat dikekalkan, saya yakin kita mampu mengatasi apa jua cabaran pada masa hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam program ini terutamanya Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Semoga matlamat utama penganjuran program ini iaitu untuk menyemai dan mempertingkatkan semangat cintakan negara serta membentuk jati diri yang produktif, kreatif dan inovatif secara konsisten dapat dicapai.

YBHG. DATO' TS. DR. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

GIANT

Simbolik Patriotisme

Komitmen mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi di PSA. PSA berusaha memperkukuh semangat ini melalui penganjuran 17 acara yang meriah dan penuh warna warni. Lebih-lebih lagi dalam persekitaran di mana maklumat pantas tersebar, hanya dengan semangat patriotisme yang tinggi dan kental sahaja dapat memastikan kita boleh menjaga imej negara dan tidak merosakkan perpaduan yang terjalin.

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 kali ini melakar sejarah kerana PSA turut menjelajah Sabak Bernam Selangor, Jerantut, Pahang, dan Balik Pulau, Pulau Pinang dalam memenuhi aspirasi negara iaitu Malaysia Prihatin. Demi menghayati inisiatif kerajaan supaya prihatin terhadap keperluan ekonomi, kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19, sebahagian acara telah dirangka melibatkan komuniti setempat bagi memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan. Kerjasama dengan rakan strategik YaPEIM dengan tagline Inspirasi Musa'adah COVID-19, PSA berjaya menyantuni sekolah-sekolah terpilih di Sabak Bernam dan komuniti Teluk Bahang di Pulau Pinang.

Kemeriahan dalam setiap acara dapat dirasai oleh semua pihak yang terlibat. Jelas terpancar semangat kemerdekaan daripada seluruh peserta melalui sambutan yang menggalakkan di setiap acara yang dilancarkan. Semoga roh menuntut kemerdekaan oleh generasi terdahulu benar-benar difahami oleh generasi sekarang. Kita tidak dapat lari dari simbolik kemerdekaan yang kemuncaknya merupakan laungan merdeka. Memang begitulah setiap tahun sambutannya dan semoga terus digemakan saban tahun. Walau bagaimanapun apa yang penting adalah kita dapat belajar melalui ibrahnya. Kita seharusnya terus mengukuhkan perpaduan, bersatu menghadapi pelbagai kemungkinan khususnya pandemik COVID-19 yang melanda dunia kini dan terus mencipta kejayaan cemerlang untuk Malaysia.

Melalui program seumpama ini pasti dapat mendorong sikap dan nilai prihatin yang mendekatkan siswa dengan masyarakat. Usaha ini tentunya melahirkan siswa yang holistik dan seimbang. Penyertaan daripada pelbagai kaum dapat meningkatkan kesepakatan agar sama-sama memelihara kontrak sosial dalam memelihara suasana yang harmoni dalam negara. #PSA Prihatin, #Malaysia Prihatin. Bersama kita pelihara keamanan Malaysia!

DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Perasmian Bulan Sambutan Kemerdekaan PSA

Penyerahan Jalur Gemilang daripada Ketua Pengarah JPPKK, Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub kepada Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail menjadi simbolik bagi acara perasmian ini. Selama sebulan setengah pelbagai acara disusun bagi memeriahkan sambutannya. Ketika ini, matahari sudah mula meninggi. Sungguh cantik pemandangan bila Jalur Gemilang berkibar ditiup angin. Terasa bangga memijak bumi bertuah ini.

Semarak Kemerdekaan

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dalam situasi dunia berdepan pandemik COVID-19, PSA tetap bersemangat untuk menyambut Bulan Kemerdekaan. Hampir setiap tahun PSA berusaha menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan staf dan siswa melalui penganjuran program seumpama ini. Tahun 2020 merupakan sejarah PSA menjayakan Sambutan Bulan Kemerdekaan dalam norma baharu dengan mematuhi setiap SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Semoga pandemik ini menemui noktahnya dan kita kembali menjalani kehidupan seperti sebelum ini. Program Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 ini dilihat dapat memperbaharui semangat cintakan negara dan menghargai perjuangan wira negara dalam memperoleh kemerdekaan.

Dalam suasana norma baharu, PSA berjaya menganjurkan sebanyak 17 acara kemerdekaan. Penganjuran pada tahun ini tidak kurang hebatnya dengan pertandingan dan aktiviti seperti Pertandingan Woodball, Pertandingan Hiasan Kemerdekaan, Pertandingan e-poster, Pertandingan Swafoto, Tayangan Filem, Kuiz, Majlis Bacaan Yasin, Kembara Prihatin Jejak Merdeka yang meliputi Treasure Hunt Merdeka, Konvoi Basikal, Sukan Rakyat Sepak Raga Bulu Ayam, dan Rekreasi Gagau Ikan.

Semangat Malaysia Prihatin ini telah dizahir dan diperkukuhkan melalui program bersama komuniti terpilih di Sabak Bernam, Selangor dan Teluk Bahang di Pulau Pinang. Program Sambutan Kemerdekaan ini juga menjelajah hingga ke Pahang dan Pulau Pinang melalui acara konvoi Kembara Merdeka Jejak Pahlawan dan Masjid Bagan Air Itam - PSA Merdeka Ride. Dapat dilihat acara yang dijalankan banyak yang melibatkan aktiviti kecergasan fizikal yang seronok dan menyihatkan. Konvoi berbasikal sejauh 20 kilometer di Sg. Hj. Dorani, 80 kilometer mengelilingi Pulau Pinang, bermotosikal 650 kilometer ke Pahang secara tidak langsung akan meningkatkan persefahaman antara staf dan mudah bekerjasama dalam tugasan harian.

Penglibatan PSA, rakan strategik, dan komuniti menjadikan program ini sangat manis untuk dikenang. Semua momen indah tersebut disatukan di dalam buku ini.

Terima kasih atas kerjasama semua pihak yang berganding bahu menjayakan semua program ini. Bersama kita terus memerangi COVID-19 dan menunjukkan keprihatinan dengan memberi bantuan kepada golongan yang terjejas. Semua ini tentunya dapat mengekalkan keharmonian di Malaysia. Syabas kepada semua! #Malaysia Prihatin.

HJ. JASNI BIN MOHD NOOR
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PSA

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kejohanan Woodball

Tarikh: 8.8.2020
Lokasi: Laman Woodball PSA
Penganjur: Jabatan Hal Ehwal Pelajar



Bunyi burung berkicauan menambah keceriaan suasana pagi bagai menyambut kedatangan Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Dato' Dr. Muhammad Naim bin Yaakub ke PSA. Sejurus tiba, tetamu dihidangkan dengan santapan pagi sebelum ke acara seterusnya.

Pagi yang indah ini telah dimulakan dengan Kejohanan Woodball @Merdeka. Kejohanan ini merupakan sebahagian acara bagi mengisi agenda PSA sebagai Pusat Kecemerlangan Atlit (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia. Sejumlah 17 pasukan dari Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah telah bertanding dalam kejohanan ini. Para peserta sangat teruja dengan acara woodball dan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dalam kejohanan ini.

Sebaik tamat acara Woodball @Merdeka, Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 diteruskan dengan deklamasi sajak kemerdekaan oleh Sdr. Awaludin Jalalus Shuti, graduan PSA. Semangat kemerdekaan dapat dirasakan kehadirannya. Hadirin terus dialunkan dengan lagu Jalur Gemilang yang dinyanyikan bersama-sama disusuli dengan kehadiran konvoi kenderaan membawa Jalur Gemilang yang diketuai oleh Dr. Hasmawi bin Khalid untuk diserahkan kepada Dato' Ketua Pengarah.

Dalam majlis yang sama, Dato' Dr. Muhammad Naim turut melancarkan logo rasmi Kelab Woodball PSA yang akan dikenali dengan nama PSA Woodball Club (PWC). Dengan penubuhan kelab ini, PSA mampu menganjurkan kejohanan woodball dengan skala yang lebih besar. Beliau juga telah menyampaikan hadiah kepada pemenang acara woodball yang diadakan.

Sebelum majlis berakhir, hadirin didendangkan dengan lagu-lagu patriotik sebagai halwa telinga bagi menaikkan semangat kemerdekaan di PSA. Laungan merdeka sebanyak 3 kali menjentik kenangan tatkala mengimbau laungan sama yang pernah dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 63 tahun yang lepas. Alhamdulilah kita masih mengecapi detik-detik itu pada hari ini. Sinaran mentari bagaikan tidak terasa teriknya. Masing-masing tidak berganjak dari majlis hinggalah majlis bersurai kira-kira pukul 1.00 tengahari.

OK Tahniah PSA. Semoga selepas ini dapat menganjurkan lebih banyak kejohanan woodball.

Tahniah kepada semua pemenang woodball.

Dengan lafaz Bismillah saya melancarkan
Sambutan Kemerdekaan PSA 2020.
Semoga semua aktiviti berjalan lancar. Sila patuhi SOP.

Penyerahan Jalur Gemilang dari Dato' Ketua Pengarah
kepada Tuan Pengarah PSA sebagai simbolik
Perasmian Sambutan Kemerdekaan PSA 2020.

Berkibarlah, berkibarlah Jalur Gemilang.

Tuan Pengarah PSA menyerahkan buku Memento GIFT sebagai cenderamata kepada Dato' Ketua Pengarah.

Wahai bola...
sila beri kerjasama.
Jangan OB please.
Banyak papparazi
sedang memerhati.

Puan TPA: Bos macam mana nak pukul bola ni?

Tuan Pengarah: Tengok cara saya pukul bola. Kena fokus.

Puan TPSA: Oh macam tu. I can do it.

Pertandingan Hiasan Kemerdekaan

Tarikh: 17 Ogos - 10 September 2020
Penganjur: Jabatan Kejuruteraan Awam

Warna-warni Jalur Gemilang menghiasi kampus PSA. Setiap jabatan, pusat dan unit berusaha menampilkan hiasan sudut kemerdekaan dan mengibarkan Jalur Gemilang. Pertandingan Hiasan Sudut Kemerdekaan berkonsepkan kitar semula iaitu menggunakan bahan terbuang dan Jalur Gemilang dalam membuat hiasan suasana kemerdekaan di PSA.

Pertandingan ini adalah yang paling paling besar penyertaannya kerana membabitkan penyertaan keseluruhan staf di PSA. Sambutan yang diterima sungguh di luar dugaan kerana kesemua jabatan, pusat dan unit berlumba-lumba mempamerkan yang terbaik. Masing-masing gigih menampilkan semangat cintakan negara dan menghargai kemerdekaan negara melalui dekorasi kreatif yang dihasilkan. Syabas PSA!

Dek semua jabatan, pusat dan unit mengambil bahagian, Penganjur mengambil masa seharian bagi mengadili keseluruhan penyertaan. Terdapat 2 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori jabatan induk dan kategori jabatan, pusat dan unit.

Melalui aktiviti sebegini, ciri-ciri staf politeknik premier yang unggul seperti progresif, resourceful dan excellence dapat ditonjolkan. Selain menceriakan suasana, Pertandingan hiasan kemerdekaan juga telah mengeratkan hubungan sesama staf.





Jabatan Kejuruteraan Awam

Pemenang utama kategori Jabatan Induk

Jabatan Pentadbiran

Pemenang utama kategori Jabatan, Pusat dan Unit

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

63
2020
SALOMA BRIDGE
MALAYSIA
PRIHATIN
1
meTer

Jabatan Matematik, Sains & Komputer dan Unit Teknologi Maklumat

Jabatan Perdagangan

Unit Perpustakaan

Jabatan Pengajian Am

Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terdepan & Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran

Unit Bangunan Dan Infrastruktur

Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan

Pertandingan E-poster

Tarikh: 17 - 28 Ogos 2020
Penganjur: Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 bertambah meriah dengan acara Pertandingan e-poster Kemerdekaan khusus untuk siswa. Dalam melengkapkan siswa menjadi siswa yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan, JMSK tampil menawarkan pertandingan e-poster. Pertandingan ini menyerlahkan bakat siswa dalam menghasilkan karya kreatif dengan penghasilan e-poster yang menarik hingga menyukarkan juri mengadili pemenang. Inilah generasi Z yang begitu akrab dengan teknologi dan membesar dengan pelbagai gajet di sekeliling hingga menjadikan mereka sangat kreatif kerana terdedah dengan pelbagai maklumat.

Melalui pertandingan ini, siswa dapat menambah dan mengukuhkan kemahiran menggunakan pelbagai aplikasi komputer. Setelah penjurian dilaksanakan, nama-nama berikut diumumkan sebagai pemenang di mana Hariz Nazmi bin Hamizam (DPI3A) telah dinobatkan sebagai juara dan pemenang e-poll. Tempat kedua dan ketiga pula jatuh kepada Muhammad Nur Khalish bin Abdul Ghani (DPMIA) dan Sangita A/P Subramaniam (DPI2A). Tahniah kepada pemenang!



Sangitha A/Subramaniam
08DPI19F2014
DPI2A

Hariz Nazmi bin Hamizam
08DPI119F1025
DPI3A

Muhammad Nur Khalish
bin Abdul Ghani
08DPM20F1027
DPM1A

Pertandingan Swafoto

Satu lagi pertandingan yang mendapat sambutan ramai ialah Pertandingan Swafoto kerana konsep pertandingan yang ringkas dan mudah disertai. Peserta hanya perlu berswafoto dengan elemen Jalur Gemilang dan menampilkan semangat patriotik di dalam foto tersebut. Seterusnya peserta perlu memuatnaik foto tersebut di pautan yang disediakan. Peraduan ini terbuka kepada staf dan siswa.

Pelbagai aksi swafoto dirakam lensa peserta dan juara pertandingan ini telah dirangkul oleh Norsafira binti Baharom (JHEP). Seterusnya tempat kedua dan ketiga telah jatuh kepada Ali Ikram bin Kusnin (JKA) dan Mohd Hanif bin Selamat (UIDM). Tahniah!

Tarikh: 15 - 23 Ogos 2020
Penganjur: Pusat Teknologi Multimedia (CMT)





FRIDAY

Selamat
HARI MERDEKA
63
MALAYSIA PRIHATIN
2020

Pertandingan Kuiz

Kuiz Kemerdekaan adalah pertandingan kuiz yang berkisar daripada pameran yang diadakan di Perpustakaan Ibnu Khaldun. Pameran ini berlangsung selama sebulan bertemakan Sejarah Kemerdekaan Malaysia. Kuiz ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman staf dan pelajar PSA melalui rentetan sejarah yang tepat.

Dengan memahami sejarah, kita dapat menghayati dan menjadikannya teladan meniti kehidupan dalam mengekalkan keharmonian kaum. Sejumlah 50 penyertaan telah diterima daripada staf dan siswa. Tahniah!

Tarikh: 24 Ogos - 11 September 2020
Lokasi: Kuiz dilaksanakan secara atas talian melalui pautan (https://tinyurl.com/kuizkemerdekaan2020)
Anjuran: Perpustakaan Ibnu Khaldun



Pemenang Kategori Staf

Sel otak berhubung. Tahniah Puan!
Siti Zaliha binti Omar@ Othman
menerima sijil penghargaan pemenang
kategori staf dari Dato' Ketua Pengarah.

Pemenang Kategori Siswa

Pertama - MUHAMMAD AIMAN BIN MOHD NOR (DKM)

Kedua - SHARMILAH A/P SIVAPERUMAL (DEU)

Ketiga - MIRZA NATASYA BINTI AZMIN

NUR IZZATI BINTI SARMAN

Tayangan Filem Patriotik

Tarikh: 24 Ogos - 11 September 2020
Lokasi: Perpustakaan Ibnu Khaldun
Anjuran: Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA

Dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, Perpustakaan Ibnu Khaldun terus mengamalkan SOP yang ketat dalam melaksanakan aktviti. Bagi memeriahkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020, Perpustakaan Ibnu Khaldun turut menghidangkan tayangan filem-filem patriotik. Acara ini bertujuan untuk menghayati kemerdekaan melalui hiburan dengan mencontohi semangat patriotik yang diketengahkan dalam filem tersebut. Seterusnya menginsafi betapa perlunya generasi sekarang menghargai keamanan yang ada.

Sejumlah 9 filem berkaitan perjuangan dan kemerdekaan telah ditayangkan sepanjang program ini. Senarai filem yang ditayangkan adalah seperti berikut iaitu Bukit Kepong, Leftenan Adnan, Polis Evo, Kanang Anak Langkau : The Iban Warrior, Sarjan Hassan, Prebet Lapok, Paskal, Bravo 5 dan Pulang.





BUKIT KEPONG
27 OGOS 2015

LEFTENAN ADNAN
HARRIS OTHMAN · UMIE AIDA · FAIZAL HUSSEIN

POLIS EVO
ZIZAN RAZAK SHAHEIZY SAM NORA DANISH
DI PAWAGAM 17 SEPTEMBER 2015
www.polisevo.com

BRAVO LIMA
BRAVO
DI PANGGUNG
10 SEPTEMBER 2015

SHAWS MALAY FILM PRODUCTIONS
PRAMLEE
SERGEANT HASSAN

Antara Keluarga
dan Negara...
PASKAL
DI PAWAGAM 27 SEPTEMBER

PULANG
26 JULAI 2018

KANANG
ANAK LANGKAU
DI PAWAGAM 16 MAC 2017

Majlis Bacaan Yasin

Tarikh: 27 Ogos 2020
Lokasi: Dewan Solat Utama Pusat Islam
Anjuran: Pusat Islam

Seperti kebiasaan malam Jumaat yang lain, Pusat Islam diimarahkan dengan Majlis Bacaan Yasin. Walau bagaimanapun kali ini majlis yang dibuat agak istimewa, khusus sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020. Majlis bertambah serinya apabila Tuan Pengarah PSA turut hadir dalam majlis ini. Hadirin Pusat Islam berpeluang membuat bacaan Yasin dan menghadiahkan pahala bacaan kepada arwah muslimin dan muslimat yang telah meninggal dunia terutamanya kepada arwah pejuang kemerdekaan Malaysia. Ia diadakan sebaik selesai solat Maghrib berjemaah.

Sebaik tamat bacaan Yasin, hadirin dihidangkan pula dengan tazkirah berjudul 'Kemerdekaan Seorang Hamba Kepada Tuhan' oleh Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak, Imam 1 Pusat Islam. Hening suasana dalam Pusat Islam semasa tazkirah disampaikan. Semua hadirin khusyuk mendengar peringatan yang disampaikan oleh Imam Pusat Islam. Sebelum pulang, Rakan Pusat Islam (RAPI) berbesar hati menjamu hadirin dengan hidangan yang ringkas tetapi cukup istimewa. Terima kasih Pusat Islam!



Al-Syahid Hasan al-Banna berkata:
"Al-Quran al-Karim adalah sebuah perlembagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam.
Al-Quran adalah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati yang beriman.
Al-Quran adalah alat yang terbaik untuk para ahli ibadat mendekatkan diri kepada
Allah SWT dengan cara membacanya.
Sumber: Bayan Linnas Siri 139: Al-Quran Kalamullah Yang Mukjizat.

Siswa hari ini, pemimpin masa depan.

Beri aku 1000 orang tua, niscaya akan kucabut semeru dari akarnya. Beri aku 10 pemuda, niscaya akan ku guncang dunia.
Ir. Soekarno

Firman Allah S.W.T:
"Al-Quran itu tidak lain hanya peringatan bagi seluruh penduduk alam".
(Surah At-Takwir : 27)

Treasure Hunt

Tarikh: 7 September 2020
Lokasi: Sekitar Kuala Selangor
Anjuran: Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Treasure Hunt merupakan pertandingan bagi menguji pengetahuan peserta dalam mengenali tempat bersejarah di Selangor seterusnya meningkatkan semangat kemerdekaan. Penyertaan program ini adalah campuran di antara staf dan siswa dalam setiap kumpulan. Sebanyak 5 checkpoint telah disusun sepanjang perjalanan menuju ke Sabak Bernam di mana setiap checkpoint disertakan dengan soalan yang akan menguji kepintaran peserta.

Acara ini dikendalikan oleh JHEP PSA dengan dibantu oleh JPP JKE yang telah menyusun aktiviti untuk diharungi peserta. Pemarkahan dalam pertandingan ini adalah berdasarkan markah berkumpulan. Sebanyak 10 kumpulan telah menyertai pertandingan ini dari JKA, JKE, JKM, dan JPG.

Garis mula pertandingan ini adalah di depan Dewan Al-Jazari sebaik dirasmikan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail. Turut hadir semasa majlis ini ialah Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail dan Pengarah Pentadbiran YaPIEM Negeri Selangor, En. Fazli bin Suhailin serta barisan Ahli Majlis Tertinggi PSA. Selepas perasmian perserta berkumpulan terus bergerak menuju ke checkpoint yang pertama.

Checkpoint pertama : Plaza Perabot Glenmarie.
Setiap kumpulan perlu menyelesaikan lima buah teka-teki sebelum mara ke checkpoint seterusnya. Mereka diberikan markah penuh sebanyak 100 markah setiap kumpulan. Walau bagaimanapun markah mereka akan ditolak apabila mereka memberikan jawapan yang salah. Bagi kumpulan yang telah berjaya menyelesaikan teka-teki tersebut, barulah mereka akan diberikan pembayang untuk ke checkpoint seterusnya.

Checkpoint kedua : Pantai Remis, Jeram.
Sebaik peserta tiba di checkpoint ini, mereka dihadapkan cabaran untuk mendapatkan kepingan puzzle. Kepingan puzzle ini merupakan petunjuk bagi checkpoint ketiga. Selain itu, peserta juga perlu akan bermain tiga jenis game iaitu besi yang perlu dipisahkan, sepak botol dan helivopter dimana jika peserta gagal melaksanakannya, markah peserta akan ditolak. Apabila selesai semua cabaran ini, peserta akan bergerak ke checkpoint ketiga.

Checkpoint ketiga : Bukit Melawati, Kuala Selangor.
Checkpoint ketiga memang mencabar keupayaan peserta kerana memerlukan kekuatan fizikal dan juga mental untuk mengharunginya. Mereka perlu mendaki Bukit Melawati bagi menyelesaikan cabaran di puncak bukit tersebut. Antara cabaran yang diberikan adalah peserta perlu berselfie bersama monyet-monyet dan mencari sampul tersembunyi untuk menyelesaikan teka silang kata. Cabaran ini merupakan antara yang paling susah bagi peserta kerana diganggu oleh monyet yang banyak berkeliaran di situ. Selepas selesai cabaran ini peserta telah diberikan koordinat checkpoint keempat sebelum bergerak ke sana.

Checkpoint keempat : Pantai Batu 23, Sungai Nibong.
Cabaran disini ialah peserta akan diterapkan rasa sayang terhadap permainan tradisional Melayu. Misi pertama adalah mereka perlu bermain sepak bulu ayam. Markah akan ditolak setiap kali peserta gagal untuk menimang sekurang-kurangnya satu pusingan. Satu pusingan dikira berdasarkan bilangan peserta kumpulan. Selepas, selesai sepak bulu ayam, misi seterusnya adalah mencari 5 jalur gemilang di kawasan Pantai Batu 23. Kawasan ini merupakan kawasan pantai yang luas dan amat mencabar fizikal peserta untuk mendapatkannya.

Checkpoint terakhir : Inap D'bondang Homestay.
Misi di checkpoint terakhir membuatkan semua peserta teruja kerana perlu menggagau ikan di sawah yang berlumpur. Menggagau ikan merupakan sebuah aktiviti tradisi bagi masyarakat sawah padi apabila selesai musim menuai. Melalui cabaran ini, peserta dapat merasai pengalaman nenek moyang mereka menangkap ikan di sawah yang berlumpur. Kumpulan akan menerima markah bonus bagi setiap ikan yang ditangkap. Pemerkahan adalah seperti berikut iaitu ikan haruan 5 markah, belut 3 markah manakala ikan keli 1 markah.

Pada akhir acara ini, Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail serta AMT bersama-sama turun ke sawah bagi merasai pengalaman menggagau ikan. Sejurus selesai acara menggagau ikan semua peserta masuk ke dalam terusan air yang terdapat di sebelah sawah untuk membersihkan badan masing-masing.

Akhir sekali, semua cabaran yang dirangka berjaya dilalui oleh semua peserta bagi memupuk semangat cintakan tanah air. Banyak pengalaman baru yang dilalui peserta melalui pelbagai aktiviti tradisional dan lawatan ke tempat bersejarah. Selain mengeratkan hubungan, aktiviti berkumpulan juga menaikkan semangat juang peserta setiap kumpulan untuk mencapai kemenangan. Juara keseluruhan Treasure Hunt ini telah dimenangi oleh kumpulan JKE.

Pelepasan peserta Treasure Hunt telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail. Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail dan Pengurus Pentadbiran YaPEIM Negeri Selangor, En. Muhammad Fazli bin Suhailin. Kelihatan dalam gambar, Ahli Majlis Tertinggi PSA yang turut hadir adalah Dr. Hjh. Norhayati binti Ibrahim, Timbalan Pengarah Akademik; Pn. Zalina Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik; Ustaz Nasharudin bin Zainal Abidin, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar; Dr. Ahmad Aftas bin Azman, Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer; Dr. Hasmawi bin Khalid, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam; En. Muhammad Fahmy bin Ibrahim, Ketua Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum; Pn. Hjh. Zarina binti Pitdin, Ketua Jabatan Perdagangan dan Dr. Bibie Sara binti Salleh, Ketua Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti serta semua peserta Treasure Hunt.

Hj. Jasni Bin Mohd Noor, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar memberi taklimat sebelum pelepasan peserta Treasure Hunt.

Bismillah, kita mesti menang. Gambatte kudasai. Gambare 2x.
Peserta Treasure Hunt dari Jabatan Kejuruteraan Awam.

Alhamdulillah, kita juara.
Pemenang keseluruhan Treasure Hunt dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

Peserta tidak melepaskan peluang mengambil gambar kenangan bersama pengurusan tertinggi PSA sebaik menyelesaikan cabaran Treasure Hunt.

Peserta perlu merakam gambar bersama dengan monyet yang terdapat di Bukit Melawati ini bagi memenuhi cabaran Treasure Hunt ini.

Staf FITAC yang menjadi jawatankuasa di dalam program Treasure Hunt ini.

Wow, yakinnya kamu! Puan TPSA menunjukkan keberanian beliau menangkap ikan keli.

Masing-masing telah kepenatan sesudah menggagau ikan.
Peserta masuk ke parit besar bagi membuang selut sebelum pulang.

Peserta berpeluang menggagau ikan adalah pengalaman yang sukar diperoleh pada zaman sekarang. Dari riak wajah peserta jelas terpancar kesungguhan mereka menggagau ikan.

Keberanian siswi menangkap ikan keli memang tidak dijangka sama sekali.

Keseronokan yang dialami selepas berjaya mengharungi cabaran menggagau ikan.

Kembara Prihatin Jejak Kemerdekaan

Tarikh: 8-9 September 2020
Lokasi: Sekitar Sabak Bernam
Anjuran: Jabatan Sukan, Kokurikulum Dan Kebudayaan



Acara Kembara Prihatin Jejak Merdeka 2020 merupakan acara utama sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020. Program ini dilaksanakan di Kampung Sungai Haji Dorani, Sungai Besar di Sabak Bernam yang dikendalikan oleh siswa Kelab Sukarelawan dan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), PSA.

Tangan Dihulur Kasih Terikat begitulah harapan PSA terhadap acara ini. PSA amat prihatin dengan siswa PSA daripada keluarga B40 dan bekerjasama dengan rakan strategik YaPEIM dan Pusat Zakat Selangor demi menjayakan niat murni ini. Program ini mendapat kerjasama daripada Alumni PSA, Politeknik Sultan Idris Shah, Kolej Komuniti Sabak Bernam, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.

Usaha PSA dengan rakan strategik YaPEIM telah membawa kegembiraan kepada penerima Foodbank YaPEIM Daging Segar 2.0. Sejumlah 180 pelajar daripada golongan B40 telah menerima daging segar sejuk beku seberat dua kilogram. Tujuan YaPEIM memberi sumbangan berbentuk daging segar adalah sebahagian daripada proses membentuk masyarakat yang prihatin terhadap makanan seimbang menuju kehidupan yang lebih sihat. Enam buah sekolah telah dipilih iaitu SMK Perempuan Jalan Kapar, SK Tanjung Keramat, SAM Sungai Haji Dorani, SK Sungai Haji Dorani, SK Sungai Limau dan SK Parit Empat.

Keprihatinan PSA turut didokong oleh Alumni PSA yang turut menyediakan sumbangan berbentuk wang tunai kepada siswa PSA daripada keluarga B40. Sebanyak enam orang siswa telah dipilih dan menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM100 setiap seorang.

Selain wang tunai, setiap keluarga pelajar tersebut turut menerima sumbangan Pusat Zakat Selangor (PZS). PZS telah menyumbangkan set keperluan dapur termasuklah beras, minyak masak, gula, tepung dan makanan dalam tin.

PSA amat prihatin dengan isu pandemik COVID-19 dan tekad untuk memeranginya. Justeru PSA telah memberi sumbangan sinki kepada dua buah sekolah iaitu SAM Hj. Dorani dan SK Hj. Dorani, Sungai Besar untuk menggalakkan pelajar sekolah tersebut supaya kerap membasuh tangan. Sinki ini telah dipasang oleh siswa daripada Jabatan Kejuruteraan Awam yang mempraktikkan kemahiran dalam pemasangan sinki tersebut.

Akhir sekali acara yang ditunggu-tunggu ialah ekspedisi berbasikal mengelilingi Kampung Sungai Haji Dorani sejauh 20 kilometer. Ekspedisi ini disertai oleh pelajar dan pegawai daripada Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Idris Shah dan Kolej Komuniti Sabak Bernam. Sejumlah 63 peserta telah terlibat dalam ekspedisi ini sebagai simbolik sempena menyambut 63 tahun kemerdekaan di Malaysia.

Keterujaan peserta sampai ke kemuncaknya apabila mula berkayuh mengelilingi Sungai Haji Dorani. Kayuhan di jalan-jalan kampung yang lengang ditambah dengan udara bersih dan segar sungguh menyeronokkan. Sungguh nyaman terasa kenikmatan berada di sini. Inilah daerah Sabak Bernam yang subur dan makmur.

Pengurus YaPEIM Selangor, En. Mohamad Fazli bin Suhailin menandatangani penyerahan Foodbank YaPEIM Daging Segar 2.0 kepada Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Tuan Mohd. Jaluli bin Hj. Yahaya. Serahan ini telah disaksikan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail dan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail.

Tuan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail membuat penyerahan simbolik dua sinki kepada Pengetua SAM Sungai Haji Dorani. Tn. Hj. Mohd. Fauzi bin Ibrahim. Sumbangan ini adalah tajaan Pusat Islam PSA.

Dokumen bukti jalinan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam.

Tn. Hj. Izmi bin Ismail melawat sinki yang telah dipasang oleh siswa PSA. Turut hadir ialah Pengetua SAM Sungai Hj. Dorani dan Pengarah PSA.

63 peserta tidak sabar untuk memulakan kayuhan basikal.

Sebahagian MPP PSA yang mengikuti kayuhan ini.

Doa masuk kampung atau bandar

Ya Allah, Tuhan tujuh petala langit dan apa-apa yang dinaunginya, Tuhan tujuh lapisan bumi dan apa-apa yang ada di atasnya, Tuhan yang menguasai syaitan-syaitan dan sesiapa yang disesatkannya, Tuhan yang menguasai angin dan apa-apa yang dihembuskannya. Kami memohon kepadaMu kebaikan desa/kota ini, kebaikan penduduknya dan apa-apa yang ada di dalamnya. Kami berlindung kepadaMu daripada kejahatan penduduknya dan apa-apa yang ada di dalamnya.
Riwayat al-Hakim (100).

Tuan Pengarah PSA dan Ketua Pengarah JPN Selangor turut menguji stamina mereka dengan menyertai kayuhan ini.

Pandangan jauh seorang pemimpin.

Pn. Zalina Ismail, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA menyerahkan sumbangan kepada ibu Muhammad Shazani bin Mohd Noor.
Lokasi: B3 Lorong Karimun Parit Enam Barat, Sungai Besar.

Tn. Hj. Rizal bin Shafee, YDP Alumni PSA menyerahkan sumbangan kepada Azizah Azira Binti Ahmad Jafri sambil disaksikan oleh Pengarah PSA dan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor.

Tn. Hj. Rizal bin Shafee, YDP Alumni PSA menyerahkan sumbangan kepada Nur Aliah Atikah Binti Abdul Hamid sambil disaksikan oleh Pengarah PSA, Pengarah Pendidikan Negeri Selangor dan Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam.
Lokasi:A183, Kg. Tebuk Marso, Sg. Hj. Dorani, Sg. Besar.

MPP PSA yang membantu agihan sumbangan kepada penerima kumpulan B40.

Sebagai tanda terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang program, Pengarah JPN Selangor menerima cenderamata daripada Pengarah PSA.

Cenderamata untuk En. Khairul bin Hussain daripada Pusat Zakat Selangor Cawangan Sabak Bernam yang mewakili En. Azizul Fitry bin Salam, Ketua Operasi Agihan Sabak Bernam, Pusat Zakat Selangor.

Kembara Jejak Pahlawan

Tarikh: 28-30 Ogos 2020
Lokasi: Sekitar Negeri Pahang
Anjuran: Jabatan Sukan, Kokurikulum Dan Kebudayaan

Kehangatan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 diteruskan dengan acara konvoi motosikal ke Pahang melalui Kembara Jejak Pahlawan. Kembara ke Jerantut ini merupakan suatu penerokaan laluan darat dan sungai yang terdapat di Ulu Tembeling, Pahang. Kawasan ini merupakan suatu kawasan pedalaman yang mana pada satu ketika dahulu laluan utama untuk berhubung dengan dunia luar adalah melalui jalan air dan itulah cabarannya.

Pengembaraan diteruskan dengan melawat Galeri Mat Kilau dalam usaha memahami perjuangan beliau menentang penjajah. Nama Mat Kilau yang sehingga ke hari ini menjadi sebutan kerana jasanya mempertahankan negara.

Jarak perjalanan yang telah ditempuh sepanjang perjalanan 3 hari 2 malam ini ialah 650 kilometer. Secara umumnya laluan yang ditempuh adalah seperti berikut:

Tarikh	Tempat
28 Ogos 2020	PSA - Temerloh - Felda Retang - Kampung Kuala Sat
29 Ogos 2020	Kuala Sat - Kg. Bukit Mat Daling - Kg. Bantal
30 Ogos 2020	Kuala Sat - Kuala Tahan - Jerantut - PSA

Kronologi Kembara Jejak Pahlawan

Hari Pertama

Temerloh

Tidak sah rasanya kalau ke Pahang tanpa menikmati ikan patin. Justeru kedai ikan patin Temerloh adalah tempat persinggahan pertama peserta bagi melepaskan lelah. Kelembutan dan kesegaran serta keenakan ikan patin masak tempoyak dengan disulami kepelbagaian ulam-ulaman segar menambahkan keasyikkan sewaktu menikmatinya apatah lagi bila dimakan beramai-ramai.

Felda Retang

Pengembaraan diteruskan dan singgah di kampung halaman seorang peserta sekadar untuk seketika. Menjenguk ibunda dan bertanya khabar sebelum meneruskan pengembaraan. Dapat singgah seketika pun sudah dapat menghilangkan rasa rindu pada kampung halaman.

Kuala Sat

Begitu cepat masa berlalu. Perjalanan selama 10 jam dari PSA bagaikan tidak terasa. Keseronokan yang dialami menunggang motosikal sambil melihat pemandangan sekitar yang mengasyikkan menjadikan masa berlalu begitu pantas. Ketika tiba di homestay matahari sudah mulai redup dan akan bermalam di sini selama 2 hari. Kepenatan memandu seharian mulai terasa dan urat-urat perlu diluruskan dan minta direhatkan. Suasana sekitar yang mulai sejuk ditambah bunyi cengkerik menjadikan mata semakin berat.

Hari Kedua

Ketika matahari mula menerbitkan sinar, peserta bersarapan di gerai yang berdekatan homestay. Terasa sungguh nikmat menjamah makanan tempatan disini seperti jering rebus dan gulai asam rong yang memang popular di Kuala Tembeling. Tambahan pula aroma kopi kampung yang dihidang sungguh membuka selera.

Kampung Awan

Peserta sempat singgah kawasan rekreasi di Kampung Awan (Clouds Hill) yang merupakan suatu kawasan tanah tinggi. Hembusan angin yang bertiup lembut disertai suhu yang dingin menjadikan ruang udara berkabus. Inilah yang menjadi tarikan kawasan rekreasi ini dimana peserta dapat menyentuh awan.

Kg. Mat Daling

Dari Kampung Awan peserta meneruskan perjalanan ke Kg. Mat Daling melalui jalan darat dan berpeluang merasai pengalaman melalui laluan off road sebagai laluan utama penduduk disitu. Laluan off road sejauh 14 kilometer sehala ini sungguh mencabar adrenalin peserta kerana jalan yang tidak rata, berkerikil dan berbukit.

Menyusuri Sungai Tembeling

Sungai Tembeling suatu ketika dahulu adalah laluan utama penduduk sekitar berhubung dengan dunia luar. Untuk ke pekan Kuala Tahan, Penduduk sekitar sebelum ini mengambil masa selama 4 hingga 5 jam menaiki bot bergantung kepada paras air sungai. Justeru, sebelum adanya jalan darat ke Kuala Tahan, penduduk di sini mengambil masa 2 hari sekiranya perlu ke pekan Kuala Tahan untuk membeli barang keperluan. Untuk makluman jalan darat dari Kuala Tahan ke Ulu Tembeling baru siap pada tahun 2016.

Berdasarkan sejarah, sungai ini digunakan oleh Mat Kilau sebagai laluan beliau ke Terengganu. Setelah puas menyusuri Sungai Tembeling, peserta pulang semula ke homestay di Kampung Kuala Sat untuk berehat. Masing-masing tidak sabar untuk tiba di homestay kerana pengembaraan yang telah dilalui memang mencabar ketahanan fizikal peserta.

Hari Ketiga

Kuala Tahan

Perjalanan balik dari Kg. Kuala Sat ke Kuala Tahan sangat mendamaikan dengan udara yang segar dan sejuk menemani perjalanan peserta. Kuala Tahan adalah antara pintu masuk ke Taman Negara dan antara pekan utama bagi penduduk Kg. Mat Daling dan Kg Kuala Sat untuk mendapatkan barang keperluan.

Jerantut

Setelah lebih kurang 4 jam menunggang motosikal dari pekan Kuala Tahan, peserta tiba di Kompleks Galeri Mat Kilau, Pulau Tawar, Jerantut. Galeri ini baru siap dibina pada 2015. Selain Mat Kilau, galeri tersebut turut mempamerkan artifak sejarah Pahlawan Melayu Pahang seperti Tok Gajah, Pawang Noh dan Dato' Bahaman.

Melalui penerokaan ke kawasan pedalaman di daerah Jerantut ini, peserta lebih mensyukuri nikmat kemudahan yang dinikmati. Benarlah kata pepatah, jauh perjalanan luas pemandangan. Pengembaraan ini membuka mata dan hati peserta untuk menjadi lebih bersyukur dengan kemudahan yang dinikmati. Selain itu menempuh suatu perjalanan yang jauh secara bersama telah membina persefahaman yang erat di kalangan peserta.

Kibaran bendera turut mengiringi semangat peserta yang berkobar-kobar untuk memulakan ekspedisi ini.

Doa Bermusafir

Allah Maha Besar (3x) Maha Suci Tuhan yang telah mempermudahkan kami sedangkan kami tidak berdaya melakukannya dan kepadaNya kami kembali. Ya Allah, kami memohon pada perjalanan kami ini kebaikan dan ketakwaan dan amalan yang Engkau redhai. Ya Allah, mudahkanlah bagi kami rehlah kami dan pendekkanlah bagi kami rehlah ini. Wahai Tuhan kami, Engkaulah Pengiring di dalam rehlah ini dan Penjaga bagi keluarga. Ya Tuhan kami, kami memohon dipelihara daripada sebarang kesusahan dalam perjalanan ini dan perkara-perkara yang buruk yang dilihat dan berlaku kepada harta dan keluarga kami

Ketika pulang ditambah pula bacaan ini selepas membaca doa di atas.

Ya Allah, kepadaMu kami pulang dan kepadaMu kami bertaubat dan kepadaMu kami beribadat dan Tuhan kamilah yang kami puji.

Riwayat Muslim (1342)

Peserta bersama motosikal berkuasa tinggi masing-masing di homestay Sungai Retang.

Kesejukkan yang mengigit kulit bila dapat mencecah awan.

Peserta menelusuri sejarah pahlawan Pahang di Muzium Mat Kilau.

Majlis Perhimpunan Staf

Tarikh: 28 Ogos 2020
Lokasi: Dewan Al-Jazari
Anjuran: Jabatan Kejuruteraan Awam



Perhimpunan Staf Bilangan 3 bertemakan bertema Malaysia Prihatin meriah dengan staf mengenakan persalinan warna Jalur Gemilang bagi menepati tema kemerdekaan. Majlis ini turut dihadiri oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang diwakili oleh En. Mohamad Fazli bin Suhailin, Pengurus YaPEIM Selangor. Beliau telah menyampaikan taklimat berkaitan bantuan yang boleh diberikan oleh YaPIEM di samping menyeru warga PSA menyumbang dana kepada Tabung Wakaf Jariah YaPEIM. Beliau turut menyampaikan bantuan kepada staf PSA dan antara penerimanya ialah balu arwah En. Yusnidzam bin Basir.

Pada majlis ini juga, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Dr. Hasmawi bin Khalid telah mendeklamasikan sajak berjudul 31 Ogos Datang Lagi karya Wan Zahari Wan Ali, dari Terengganu.

Selain itu, dua pelancaran telah dibuat iaitu pelancaran portal baharu PSA dan e-pocket. Portal baharu ini boleh diakses melalui pautan www.psa.mypolycc.edu.my. Manakala e-pocket ialah aplikasi pembelajaran digital PSA atau nota digital untuk kegunaan pelajar. Menerusi segmen Pakaian Mengikut Tema Kemerdekaan, dua orang staf dipilih sebagai pemenang Pakaian Tema Kemerdekaan terbaik iaitu Us. Nasharudin bin Zainal Abidin dan Pn. Madzrool Ismawati binti Ismail.

Hadirin bersemangat apabila lagu-lagu patriotik dinyanyikan bersama. Terasa semangat kemerdekaan begitu membara di jiwa masing-masing. Pada akhir majlis, Tuan Pengarah PSA turut meluangkan masa bergambar bersama dengan staf sebagai kenang-kenangan.



Sambutan hebat diberikan penganjur ketika ketibaan Tuan Pengarah PSA dan tetamu dari YaPEIM.

Sempena Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan ini, kami pohonkan ehsan dari-Mu ya Allah, agar Engkau kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan dan keselamatan yang berterusan, lindungilah kami dari segala keburukan dan keaiban, hindarkanlah kami dari segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan. Peliharalah kami dari segala bencana, anugerahkanlah kami dengan kesihatan agar kami dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara
tercinta ini.

Ya Allah Tuhan yang menguasai sekalian alam, Engkau peliharalah Malaysia negara kami yang kami cintai ini. Engkau peliharalah perpaduan diantara kami demi kepentingan negara Malaysia yang kami kasihi. Ya Allah kami bersyukur kepada-Mu kerana dapat hidup dalam keadaan aman, damai, harmoni, percaya-mempercayai, saling hormatmenghormati serta tolong-menolong yang menjadi tunjang kepada kemakmuran negara kami sehingga ke hari ini.

Sumber: Buku Panduan Membaca Doa Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi

En. Jefri bin Jusoh memimpin bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam.

Berdua lebih baik. Pn. Rozimah binti Tahir dan Pn. Siti Azliya binti Ismail berganding bahu mengacarakan majlis.

YaPEIM menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima pelajar JKA.

YaPEIM menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima dari kategori pekerja am PSA.

Dr. Hasmawi bin Khalid melontarkan puisi dengan penuh semangat.

Frasa Merdeka dilaungkan sebanyak 3 kali.
Semoga Malaysia terus makmur.

Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman menerima sijil staf cemerlang bagi pihak JMSK.

Hjh. Nor Zarina binti Pitdin menerima sijil staf cemerlang bagi pihak JPG.

Ts. Dr. Hj. Mohd Najib bin Hamdan menerima sijil staf cemerlang bagi pihak FITAC.

Ts. Salhana binti Sahidin @ Salehudin menerima sijil staf cemerlang bagi pihak JKM.

Tuan Pengarah PSA bersama dengan pemenang Pakaian Tema Kemerdekaan.

Masing-masing tertawa riang kerana dapat berswafoto bersama Tuan Pengarah PSA.

Walaupun penat tetapi semua berpuas hati kerana majlis telah selesai.
Inilah staf JKA yang bertungkus lumus memastikan kelancaran Majlis Perhimpunan Bulanan PSA Bilangan 3/2020.

Masjid Bagan Air Itam MBAI PSA Kemerdekaan Ride

Tarikh: 12 September 2020
Lokasi: Sekitar Pulau Pinang
Anjuran: Jabatan Sukan, Kokurikulum Dan Kebudayaan

Keprihatinan PSA tidak terhad kepada siswa PSA sahaja malah turut menyelami denyut nadi masyarakat dengan memberi sokongan kepada komuniti di Teluk Bahang melalui MBAI-PSA Merdeka Ride. Kerjasama ini telah dirangka atas kapasiti Tuan Pengarah PSA yang juga adalah Pengerusi Masjid Bagan Air Itam, Teluk Bahang. Selain kayuhan basikal turut diadakan serahan sumbangan kepada penerima terpilih di mana YaPEIM Zon Utara telah menaja acara ini.

Ketika pinggir masjid masih dibaluti remang pagi dan kesejukan embun masih lagi terasa, peserta MBAI-PSA Ride telah memenuhi perkarangan masjid. Pagi ini peserta telah bersedia untuk acara kayuhan basikal sepanjang 80 kilometer yang akan bermula di Masjid Bagan Air Itam (MBAI) Balik Pulau mengelilingi pulau Pulau Pinang. Sejumlah 40 orang peserta menyertai kayuhan ini di mana 12 adalah peserta terdiri daripada staf PSA manakala selebihnya adalah peserta daripada MBAI. Turut serta dalam kayuhan ini ialah Pengarah Politeknik Ungku Omar, Ts. Hj. Mohd Fisal bin Haroon dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail.

Sebelum berlepas, doa dipanjatkan agar misi kayuhan ini selamat. Seterusnya peserta bersama-sama melakukan senaman ringan bagi memanaskan badan. Tuan Pengarah PSA sempat menitipkan pesanan supaya semua peserta peka terhadap aspek keselamatan jalanraya. Kecergasan fizikal dan kesabaran peserta teruji kerana laluan panjang yang dilalui.

Panahan matahari yang terik tidak sedikit pun mematahkan semangat peserta untuk meneruskan kayuhan sehingga ke tempat penamat. Laluan yang di lalui adalah seperti berikut iaitu bermula daripada Masjid Bagan Air Itam - Bukit 800 (Boulder) - Empangan Teluk Bahang - Batu Ferringgi - Masjid Terapung Tanjung Bungah - Padang Kota Lama – Queensbay - pekan Balik Pulau sebelum berakhir di Masjd Bagan Air Itam semula.

Sebaik acara kayuhan basikal tamat, acara diteruskan lagi dengan majlis penyerahan sumbangan set keperluan dapur kepada penerima di Teluk Bahang yang disempurnakan oleh Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri (PPYN) Zon Utara, En. Mohd Fauzi bin Adnan. Kehadiran Adun Teluk Bahang, YB. Hj. Zolkifly bin Md. Lazim menunjukkan keprihatinan beliau terhadap rakyat di kawasannya.

Inspirasi Musa'adah COVID-19 ini telah menggembirakan 50 buah keluarga yang menerima bantuan kerana sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka. Semoga usaha sebegini akan mewujudkan keharmonian di dalam masyarakat. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW telah bersabda:

"Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, Allah SWT akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan di Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat atau keaiban) seorang muslim, Allah akan menutup (aurat atau keaiban) nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya.

Riwayat Muslim (2699)

MBAI - PSA MERDERKA RIDE @ PENANG 2020

TARIKH:
12 SEPT 2020 (SABTU)

TEMPAT:
MASJID BAGAN AIR ITAM

AKTIVITI

- Kayuhan Merdeka
- Sumbangan Barangan Dapur
- Sumbangan Prelove Item
- Cabutan Bertuah

ANJURAN BERSAMA

- Pejabat ADUN Teluk Bahang
- Masjid Bagan Air Itam (MBAI)
- Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA)
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM)

Syukur, syukur, syukur Ya Allah. Syukur Alhamdulillah.
Walaupun pertama kali berjumpa, hubungan silaturrahim peserta dari MBAI dan PSA mudah dijalinkan.

Berhati-hati di jalan raya. Kalau penat, berhenti.

Doa agar selamat daripada kemalangan

Ya Allah, tiada yang mendatangkan kebaikan melainkan Engkau,
dan tiada yang menghilangkan keburukan melainkan Engkau,
tiada upaya melainkan dengan Allah SWT.
Riwayat Tirmizi (3842).

Rutin pemanasan badan dilakukan sebelum kayuhan.

Aspek keselamatan tidak di abaikan kerana peserta diiringi van Jawatankuasa Keselamatan MBAI PSA Merdeka Ride.

Ts. Hj. Mohd Fisal bin Haroon dan Tn. Hj. Izmi bin Ismail teruja mengikuti kayuhan ini.

En. Nor Hafiz bin Saleh dari JPG dengan aksi lagak basikalnya.

Peserta tunggal wanita dari PSA, Pn. Siti Askah binti Jamion, isteri kepada Hj. Mohd Hazrai bin Abu Bakar.

Peserta MBAI-PSA Kemerdekaan Ride dari PSA.

Mengembalikan semula tenaga sebelum meneruskan kayuhan.

Pengurus Negeri Pusat Pentadbiran YaPEIM Negeri (PPYN) Zon Utara, En. Mohd Fauzi bin Adnan menyampaikan sumbangan dengan disaksikan oleh Adun Teluk Bahang, YB. Hj. Zolkifly bin Md. Lazim.

Antara penerima sumbangan Musibah COVID-19 dari kalangan B40 komuniti Teluk Bahang.

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."
(Surah al-Hujurat, ayat 13)

Tuan Pengarah PSA turut sama menyampaikan sumbangan kepada penerima B4O terpilih di Teluk Bahang.

Adun Teluk Bahang, YB. Hj. Zolkifly bin Md. Lazim turun padang menyantuni rakyat di kawasannya.

Andainya hujan lebat mencurah,
Eloklah kita membawa payung,
Andainya kawan dapat musibah,
Eloklah kita segera menolong.

Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau DBP, 2007.

Pameran Woodball

Tarikh: 27 Ogos 2020
Lokasi: Putrajaya
Anjuran: Kementerian Pengajian Tinggi

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 turut disemarakkan dengan Pameran Woodball di Kementerian Pengajian Tinggi. PSA telah bergandingan dengan Politeknik Banting, Kolej Komuniti Batu Gajah dan Kolej Komuniti Temerloh dalam menjayakan pameran ini.

Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Dato' Dr. Mohammad Naim bin Yaakub turut singgah ke reruai pameran PSA. Selain woodball, turut dipamerkan adalah promosi program Techno Huffaz dan Pusat Teknologi Elektronik Perubatan (CMET).



Dato' Ketua Pengarah merakamkan kenangan bersama semua pempamer Sambutan Kemerdekaan di KPT dari PSA, Politeknik Banting, Kolej Komuniti Batu Gajah dan Kolej Komuniti Temerloh.

Ts. Zainab binti Ahmad juga turut meluangkan masa di reruai PSA.

Dato' Ketua Pengarah JPPKK meluangkan masa di reruai PSA

Dato' Ketua Pengarah JPPKK mencuba permainan woodball

Rewang @Kemerdekaan

Tarikh: 15 September 2020
Tempat: Pusat Islam PSA
Penganjur: Jabatan Pengajian Am



Seawal pukul 8 pagi lagi, seorang demi seorang staf telah berkumpul di Pusat Pusat Islam untuk Rewang @Kemerdekaan. Acara rewang pagi ini diketuai oleh Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak merupakan acara yang penuh muhibbah. Suasana kenduri dapat dirasakan dengan beramai-ramai memotong daging, menyediakan bahan-bahan masakan dan membantu memasak.

Tambah memeriahkan majlis lagi, selain menu utama berasaskan daging adalah menu sampingan iaitu bubur lambuk dan dua jenis bubur asyura versi Kelantan dan versi Johor yang disediakan. Tuan Pengarah PSA juga sempat turun padang bagi meninjau kerja-kerja memasak yang dijalankan secara bergotong-royong.

Dalam acara ini YaPEIM telah menyumbangkan sebanyak 100 kilogram daging untuk menyantuni golongan B40 dan siswa PSA melalui Foodbank YaPEIM Daging Segar 2.0. Inisiatif YaPEIM menyumbangkan daging segar ini adalah bagi mengimbangi pola pemakanan seimbang seterusnya meningkatkan kesihatan masyarakat dengan makanan yang berkhasiat.

Selain itu, YaPEIM juga membuka gerai jualan daging lembu segar dan barang keperluan harian yang dijual pada harga yang berpatutan kepada pengunjung Pusat Islam. Tuan Pengarah PSA diiringi oleh wakil YaPEIM turut meluangkan masa meninjau gerai jualan ini.

Setelah bertungkus lumus memasak, semua hidangan siap sekitar pukul 12.00 tengahari. Aroma gulai kawah yang semerbak dihidang bersama nasi yang panas membuka selera masing-masing untuk menikmati santapan tengahari. Selain kekenyangan menikmati keenakan juadah, hadirin turut membawa pulang bubur lambuk atau bubur asyura sebagai buah tangan.

Alhamdulillah makanan yang disediakan adalah mencukupi untuk semua yang hadir. Ini bertepatan dengan hadis nabi yang menyatakan keberkatan makanan itu terdapat pada makanan yang dimakan beramai-ramai. "Berkumpullah ketika makan dan sebutlah nama Allah Ta'ala (Bismillah)! Nescaya Dia akan memberkati makanan kamu". (Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud, Baihaqi, Ibnu Majah dan Hakim).

Doa Nabi semasa bergotong royong.

Wahai Tuhan, jika tidak kerana Engkau, tidaklah kami dapat hidayah, dan tidak pula kami dapat bersedekah dan bersolat, maka turunkanlah ke atas kami ketenangan dan tetapkanlah kaki-kaki kami jika kami bertemu musuh. Sesungguhnya musuh telah pun melanggar kami, jika mereka hendak menjerumuskan kami ke dalam fitnah, kami tetap dengan pendirian kami.

Hadis Riwayat Bukhari (2836).

Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak mengiringi Tuan Pengarah PSA yang membuat tinjauan proses memasak.

Daging tetel ini, sedap buat masak gulai.

Staf pelbagai peringkat turun padang dalam acara ini.
Berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Siswa siswi PSA turut membantu proses memotong daging.

Semasa tumis sayur api jangan terlalu kuat, nanti sayur jadi lecur. Masukkan air pun tidak perlu sampai berlinang, nanti vitaminnya larut air. Pn. TPSA turut sama memasak juadah.

En. Mohamad Fazli bin Suhailin dan Tuan Pengarah PSA turut mengacau bubur lambuk.

Puan TPA tidak ketinggalan mengambil peluang mengacau kawah.
Saya cadangkan JKM buat inovasi untuk gerakkan sudip kayu besar ini.

Puan TPA melawat gerai jualan YaPEIM.

Tuan Pengarah PSA merasai keenakan bubur lambok yang baru dimasak.

Tuan Pengarah PSA turut meluangkan masa di gerai jualan YaPEIM.

Kedua pihak tampil ceria kerana berpuas hati acara
Rewang @Merdeka berjalan dengan lancar. Syukur Alhamdulillah.

Kadang ketua kadang bapa. Tuan Pengarah PSA bersama MPP PSA yang membantu Rewang @Merdeka.
Paling kiri ialah Mohd Taufik bin Khairul Nizam, Naib Yang Dipertua I, MPP PSA.

Staf bergilir-gilir mengacau kawah bubur asyura yang mengambil masa lama untuk dimasak.

Oppss jangan terlebih garam.

Walaupun penat dan panas mengacau kawah senyuman tetap terukir.

Kurangkan gula dalam minuman, tambahkan manis dalam senyuman.
Jemput makan semua.

Siswa yang hadir menikmati juadah.

Awesome. Keenakan juadah mendapat pujian.

Menikmati hidangan bersama-sama turut merapatkan ukhwwah sesama staf.

Majlis Penutup Jasamu Dikenang

Tarikh: 15 September 2020
Tempat: Dewan Al-Jazari
Penganjur: Jabatan Pengajian Am



Majlis Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2020 diadakan bersekali dengan Majlis Jasamu Dikenang. Majlis Jasamu Dikenang merupakan suatu penghargaan kepada Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Dato' Dr. Mohammad Naim bin Yaakub yang bersara pada 1 Oktober 2020. Turut memeriahkan majlis ini adalah Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Tn. Hj. Izmi bin Ismail, Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, Pn. Parihah binti Hasan, dan Pengarah-Pengarah Politeknik serta Kolej Komuniti Zon Tengah.

Majlis dimulakan dengan Majlis Makan Malam bersama Ketua Pengarah JPPKK. Sebaik tiba di Dewan Al-Jazari, Kelab Semarak Seni PSA telah membuat persembahan pembukaan majlis yang memukau hadirin. Sejurus persembahan tersebut tamat, agenda utama majlis tertumpu kepada ucapan oleh Ketua Pengarah JPPKK, Ts. Dato' Dr. Mohammad Naim bin Yaakub dan Pengarah PSA, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail. Ts. Dato' Dr. Mohammad Naim turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan yang dilangsungkan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ini. Manakala, YaPIEM pula telah menyerahkan bantuan Inspirasi Musa'adah Covid-19 berupa wang tunai berjumlah RM200 kepada lima orang pelajar Asnaf dan B40 yang disampaikan oleh Pn. Parihah Hasan.

Demi menghargai jasa Ketua Pengarah JPPKK yang akan bersara pada 1 Oktober 2020, Pusat Teknologi Multimedia (CMT) telah menghasilkan sebuah video tribute untuk beliau. Majlis juga diserikan dengan acara memotong kek dan pemberian cenderamata daripada Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah berupa sebuah basikal Mountain Bike (MTB). Pengerusi Kelab Staf PSA, Ustaz Hj. Mohd Sharoni bin Ismail pula telah menukilkan puisi untuk beliau berjudul "Bayi Itu".

Pada akhir majlis, hadirin sekali lagi dipersembahkan dengan persembahan oleh siswa berkeperluan khas daripada JKM dan Kelab Semarak Seni PSA. Hidangan lagu-lagu patriotik yang dipersembahkan menyerlahkan keupayaan siswa dalam memeriahkan majlis gilang gemilang ini. Majlis melabuhkan tirai kira-kira pukul 12. 00 malam.

Selamat Datang ke Majlis Penutup Sambutan Kemerdekaan PSA 2020.
Pengurusan Tertinggi PSA menyambut mesra kehadiran tetamu jemputan dari YaPEIM, Politeknik dan Kolej Komuniti.
Kehadiran Tuan Puan menambahkan seri majlis kami.

Kehadiran rasmi terakhir Dato' Ketua Pengarah ke PSA.
Dato' Ketua Pengarah menurunkan tandatangan di Buku Pelawat PSA sambil diiringi Tuan Pengarah,
Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Pn. Zalina binti Ismail.
Syabas PSA!

Tuan Pengarah PSA bersama tetamu di meja santapan utama.

Pensyarah JPA yang menguruskan kehadiran tetamu jemputan.
Dari kiri Seeni Mehraj Begam binti V.K.S Vyzul Karnine, Suhazni binti Said,
Noor Azlin binti Mohd Sidek, Nur Shakirah binti Salehen dan Lee Yong Yong

Meladeni tetamu. Dr. Hasmawi bin Khalid bersama
Encik Ishanuddin bin Husin Pengarah PSIS dan
En. Mohd Saharudin bin Abuludin Pengarah KK Bera.

Layanan karpet merah. Perarakan masuk Dato' Ketua Pengarah ke dalam Dewan Al Jazari diiringi Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti yang diketuai oleh Tuan Pengarah PSA selaku Pengerusi Zon Tengah.

Gandingan Pengacara majlis siswa dan staf Sdr. Muhammad Suhazmeer bin Mahmud dan Pn. Nur Fatin Aqilah binti Zainuddin. Turut kelihatan Pn. Rabiatul Adawiyah binti Abdullah Zawawi yang memantau teks pengacara majlis.

Persembahan penuh semangat dari Kelab Semarak Seni PSA

Dato' Ketua Pengarah berbangga dengan semangat esprit de corps staf PSA.

Tuan Pengarah PSA berkongsi pengalaman kayuhan 80km mengelilingi Pulau Pinang.

Pengerusi Kelab Kebajikan Kakitangan PSA,
Us. Mohd Sharoni bin Ismail
mendeklamasikan puisi berjudul
Bayi Itu untuk Dato' Ketua Pengarah

Puisi ini hanya sesuai dideklamasikan kepada seorang insan yang bernama
TS. DR. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB...
ia tidak sesuai untuk ditujukan kepada orang lain kerana puisi ini dicipta khusus
sempena persaraan beliau sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
sebelum saya deklamasikan puisi ini saya memohon maaf sekiranya terdapat salah silap atau jika tercuit perasaan dimana mana...
saya tidak sempat menghubungi pegawai khas Ketua Pengarah,,, saya hanya sempat bertanya Tuan Haji Ahmad google sahaja.
terimalah puisi berjudul...

"Bayi Itu"
Naiiimun .. Naiiimun .. Naiiimun .. Naiiimm.. 2x

Tanggal Satu Oktober... 1960
Bayi Menangis.... Ibu Berpeluh
Ayah Berdoa Angkat Jari Sepuloh
Kini Bayi Itu Berusia 60.....

Naiiimun .. Naiiimun .. Naiiimun .. Naiiimm.. 2x

Selama Kedah... Tempat Tumbuhnya Akar
Tunas Mencabang... sulur Menjalar
Imbauan 70 Han Tidaklah Sukar
Kenangan Remaja, Teruna.. Terasa Masih Segar.....

Dia..
Dia Dulu Macam Aku
Dia Dulu Pernah Bersama Dek Banyaknya Guru
Pernah Berseluar Pendek Warnanya Biru
Pernah Berseluar Hijau Juga Macam Aku
Dia Dulu Ku Kira... Persis Macam Aku
Persis Juga Macam Kamu. Dia Bergerak Dahulu...
Aku Dan Kamu Hanya Menumpang Lalu.
Tiba Tiba Jalanku Berliku....
Kaku... Ternoktah Di Suatu Penjuru
Tapi Ada Antara Kamu Yang Terus Maju.

Dia.
Langkahnya Jauh.. Jalannya Panjang...
Cekal Harungi Segala Kepayahan,
Swansea University, United Kingdom Sarjana Mudaan...
Ukm Bangi.... dapatkan Diploma Guruan,
Universiti Teknologi.. Dalil Sarjanawan,
Virginia Tech University, America...
Falsafah Kedoktoran.

Orangnya Hebat,
Pada Pertiwi Ditabur Jasa Bakti
Dipinjam Manila Merantau Keluar Negeri
A.P.A.C.C Jadi Dalil Dan Bukti
Martabat Politeknik Diangkat,
Dijulang Tinggi.
Bintang Kejoranya Gemerlapan
Kerdipan Cahayanya Seterang Bulan
Dia Ditugas, Ketuai Gerombolan
Bawahnya Bukan Ratus... Tapi Ribuan.
Hari Demi Hari Bergantian
Banyak Perkara Mesti Difikirkan
Banyak Rencana Harus Muktamadkan.

Iyyya..
Hari Ini... dia Fikir Begini
Hari Esok... Dia Perlu Fikir Begitu

Kekadang Macam Ini..
Kekadang Perlu Macam Itu..
Jika Lagu Ni... bagaimana Pula Kalau Lagu Tu...

Ari Ini Mungkin Dia Perlu Ke Sini
Hari Esok.. Mungkin Dia Perlu Ke Sana
Ke Sini Ke Sana
Ke Sana Ke Sini

Memang Rutinnya Membawa Lesu..
Minda..... Tidak Boleh Rasa Buntu
Jiwa... Semua Orang Nak Dibantu
Anak Buah.... Bukan Satu, Tapi Puluhan Ribu
Tiba Tiba...
Angka 60.... Datang Membantu,
Rehatkan Minda... tenangkan Kalbu.

Bang !
Rehatlah Wahai Abangku
Moga Jasamu Dihitung... Satu Persatu
Diganjar Pahala Bekalan Dirimu.

kini... Sudah Dihujung Waktu
Masa Berdetik Tidak Mahu Ditunggu Tunggu.
Doa Ku Moga Abang Sihat Selalu
Moga Sentiasa.... Dibawah Lembayung Restu

Bang !...
Akan Tiba Detik Itu
Terbitnya Suria Yang Ditunggu
Maka Persaraan Pun Benar Benar..... Berlaku,
Terbentang Luas Dan Lebarnya Waktu..
Ini Waktu Yang Baru... bukan Waktu Yang Dulu
Menunggu Dan Menunggu Apa Akan Berlaku
Cemburuilah Waktu Itu
Aturlah.. Susunlah Langkah Satu Persatu...
Istiqamah Pada Jalan Yang Satu.
Moga Dikasihi.... Moga Dirahmati..... Moga Diberkati...
Sepanjang Waktu...
Dek Rabbul Jalil.....
Tuhan Kita Yang Satu.

Nukilan Rasa
Mohd Sharoni Ismail Assemuti
15 September 2020.

Siswi yang menerima sumbangan YaPEIM.

Siswi yang menerima sumbangan YaPEIM.

Ketua Jabatan JKM Pn. Salhana binti Sahidin @Salehudin menerima hadiah saguhati Pertandingan Hiasan Kemerdekaan.

Pn. Salizahanim binti Leman mewakili JKE menerima hadiah juara Treasure Hunt.

Dato' Ketua Pengarah memotong kek sambutan hari lahir yang diawalkan tarikhnya. Selamat Bersara Dato'.

Siswa yang menerima sumbangan YaPEIM.

Hadiah yang praktikal untuk bakal pesara dengan pemberian bunga orkid hidup dari Pengarah PSA

Senyum Dato'. Pn. Mai Azuna binti Meor Yusuf, JKA sempat berswafoto semasa ketibaan Dato' Ketua Pengarah.

Dato' Ketua Pengarah meluangkan masa beramah mesra dengan Jawatankuasa Pelaksana Majlis.

Orang kuat acara Treasure Hunt.

Dato' Ketua Pengarah membawa pulang banyak hadiah pada malam ini.
Tuan Pengarah PSA menyampaikan hadiah untuk Dato' Ketua Pengarah dari Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti dari Zon Tengah.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai satu perhimpunan yang dirahmati dan perpisahan selepas ini sebagai satu perpisahan yang diberkati dan dilindungi. Dan janganlah Engkau jadikan diri kami dan mereka yang bersama kami kebinasaan dan menyingkirkan kami dari memperoleh rahmat.
Sumber: Buku Panduan Membaca Doa Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi

Swafoto dengan hadiah utama dari Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti dari Zon Tengah berupa basikal Mountain Bike.
Semoga Dato' Ketua Pengarah terus diberikan kesihatan yang baik dan melalui hari persaraan dengan ceria.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Penghargaan

Penaung
Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Pengerusi
Zalina binti Ismail

Pengarah Program
Hj. Jasni bin Mohd Noor
Nor Intan Syawani binti Mohamad Nazir

Timbalan Pengarah Program
Julia binti Marjuki
Muhammad Taufiq Aiman bin Khairulnizam

Setiausaha 1
Zainab Hanina binti Abdul Samad
Nur Syuhadah binti Mohd Halim

Setiausaha 2
Ainoor Mahfuza binti Admad
Muhammad Zulfikar bin Abdullah

Bendahari
Khairul Ariffin bin Jamaludin
Muhammad Firdaus bin Mukhtar

Jawatankuasa Aktiviti
Majlis Pelancaran - Hj. Jasni bin Mohd Noor
Pertandingan Hiasan Kemerdekaan - Tengku Nur Syarah Bariah binti Raja Mohd Yazit
Pertandingan e-Poster Kemerdekaan - Sarizun binti Mohamad Sidek
Pertandingan Swafoto Kemerdekaan- Mohd Hanif bin Selamat
Kuiz Kemerdekaan dan Tayangan Filem Patriotik - Nurul Farhah binti Dalaiil
Majlis Bacaan Yasin - Muhamad Aqil bin Ahmadol Marzuki
Kelab Sukarelawan dan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar - Kembara Prihatin Jejak Kemerdekaan
Woodball @Merdeka, Kembara Jejak Pahlawan, MBAI-PSA Kemerdekaan Ride - Mohamad Fahmy bin Ibrahim
Majlis Perhimpunan Staf - Siti Azliya Binti Ismail
Pameran Woodball di KPT - Abdul Sharif bin Abd Kadir
Santuni Prihatin @Rewang Kemerdekaan - Us. Nasharudin bin Zainal Abidin
Majlis Penutup dan Jasamu Dikenang - Dr. Hj. Mohd Najib bin Hamdan

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
PERSIARAN USAHAWAN, SEKSYEN U1, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: +603-5163 4000 | Fax: +603-5563 1903
https://psa.mypolycc.edu.my/

ISBN 978-967-2044-49-9
9 789672 044499